

Uchapan Bertajok 'Dasar Pelajaran Kita'
di-berikan oleh Y.B. Enche Hussein Onn,
Menteri Pelajaran di-Seminar Perikatan
Yang Pertama untuh Ahli2 Parlimen,
Senator2 dan Ahli2 Dewan Undangan Negeri
Bertempat di-Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kuala Lumpur pada hari Khamis, 18hb.
Februari, 1971.

=====

1. Tajok sharahan saya ia-lah 'Dasar Pelajaran Kita'. Oleh kerana masa tidak mengizinkan saya menyentoh tiap2 aspek pelajaran, maka saya akan menumpukan kepada bahagian2 yang penting sahaja. Saya akan memulakan dengan sejarah ringkas dasar pelajaran kita dan selepas itu menerangkan langkah2 yang telah di-ambil, sedang di-ambil dan akan di-ambil untok melaksanakan-nya. Saya berharap sharahan ini akan berguna kepada hadzirin sakalian. Saya berharap juga ucapan ini akan menyedarkan dan menghargai tugas2 dan masaelah2 yang besar yang di-hadapi oleh Kementerian Pelajaran.
2. Sa-hinggakan pada petang terchapai-nya kemerdekaan negara ini, kita tidak ada dasar pelajaran kebangsaan. Dengan wujud-nya kemerdekaan itu maka tidak dapat di-elakkan lagi bahawa negeri ini patut mengadakan satu Dasar Pelajaran.
Pada tahun 1956, satu Jawatankuasa Pelajaran yang di-pengerusikan oleh Tun Abdul Razak, masa itu Menteri Pelajaran telah di-bentok. Laporan-nya yang lebeh di-kenali sebagai Laporan Razak telah di-bentangkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan, dan telah di-bahaskan dan di-persetujui. Shor-nya telah di-jadikan undang2 ia-itu Ordinan Pelajaran 1957. Shor2-nya telah melibatkan hampir semua aspek pelajaran dan telah merupakan unsor kepada Dasar Pelajaran kita sekarang ini. Pembaikan dan perubahan selanjut-nya telah menolong membaiki lagi atau pun memenohi aspek tertentu dasar ini, tetapi dasar itu sendiri pada keselurohan-nya tidak berubah.
3. Pada tahun 1960, satu Jawatankuasa Penyemak Pelajaran telah di-bentok yang di-pengerusikan oleh Allahyarham Enche Abdul Rahman Talib dengan tujuan menyemak semula dasar pelajaran yang termaktub di-dalam Laporan Razak. Jawatankuasa Penyemak Rahman Talib ini berpendapat bahawa Jawatankuasa Razak berjaya mengeshorkan satu dasar pelajaran yang

berchorak kebangsaan di-dalam bentok dan tujuan-nya, sementara pada masa yang sama mengekalkan berbagai kebudayaan negara ini.

4. Laporan Jawatankuasa Rahman Talib telah di-kemukakan kepada Parlimen, telah di-bahaskan dan di-persetujui. Jawatankuasa Rahman Talib telah membuat beberapa shor untuk membaiki lagi Ordinan Pelajaran 1957 oleh kerana satu peruntukan di-kehendaki untuk menjamin pelaksanaannya yang tegas akan dasar ini, maka Akta Pelajaran 1961 telah di-luluskan oleh Parlimen dengan meminda dan menyatukan undang2 bersabit dengan pelajaran.

5. Dari apa yang telah saya nyatakan, maka nyata-lah bahawa Dasar Pelajaran negeri kita ini ada-lah di-asaskan kepada shor2 Jawatankuasa Razak dan Jawatankuasa Rahman Talib.

Tujuan asas ia-lah mengadakan pelajaran rendah perchuma untuk semua kanak2 yang sa-harus-nya bersekolah dan ini di-adakan di-dalam bahasa2 pengantar Melayu, Inggeris, China dan Tamil. Pelajaran menengah di-sekolah2 bantuan di-berikan di-dalam dua bahasa pengantar ia-itu Melayu dan Inggeris. Sistem pelajaran kebangsaan ada-lah di-bentok bagitu rupa untuk memuaskan keperluan2 negara dan untuk memajukan lagi pembangunan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Dasar ini juga membekalkan pembangunan yang progresip akan satu sistem pelajaran di-mana bahasa kebangsaan pada akhir-nya akan menjadi bahasa pengantar yang utama.

6. Sekarang dasar ini telah putuskan dan di-terima, maka saya ingin bertanya: "Apa pula dengan pelaksanaan-nya?"

Semenjak dari masa penerimaan shor2 Jawatankuasa Razak, mula2 yang telah di-susun semula untuk memenuhi keperluan2 dasar baharu ini ia-lah Kementerian Pelajaran itu sendiri. Di-sebabkan oleh faktor2 sejarah kita terpaksa-lah pada mula-nya memakai langkah2 ad-hoc. Apabila kaki-tangan dan sumber2 lain di-perolehi, Jabatan2 tertentu yang berlainan telah di-tubuhkan di-Kementerian itu. Pada hari ini Kementerian Pelajaran mempunyai beberapa bahagian2 professional,

ia-itu Bahagian Sekolah, Bahagian Latehan Guru, Lembaga Pepereksaan, Jema'ah Nazir, Bahagian Peranchang dan Penyelidekan Pelajaran, Pusat Pelajaran Sains dan Bahagian Teknik serta Vokeshenal.

7. Bahagian Sekolah

Bahagian ini ada-lah bertanggung-jawab untok melaksanakan keputusan Kementerian mengenai curricula dan sukatan pelajaran, jadual2 waktu dasar bahasa kebangsaan, kursus2 pengajian, bantuan2 mengajar dan mengadakan kakitangan serta pentadbiran sekolah2.

8. Bahagian Latehan Guru

(a) Penubohan Maktab2 Latehan Guru Tempatan ia-lah satu daripada shor2 yang telah di-buat oleh Jawatankuasa Razak. Dengan bertambah-nya bilangan kanak2 masok sekolah daripada dasar yang di-putuskan itu terutama sekali pada tahun 1957 dan 1965 hampir2 menimbulkan kesusahan, maka di-dapati perlu mengeluarkan hampir 4000 orang guru sa-tahun. Pada hari ini, keadaan ini hampir puleh dan pengeluaran Maktab2 Perguruan akan menjadi lebeh kurang 1,000 orang sa-tahun.

(b) Maktab2 Latehan ini ada-lah di-sesuaikan untok memenohi kehendak pelajaran yang lebeh luas. Maktab2 ini di-usahakan untok mengeluarkan guru2 sains, ilmu hisab, vokeshenal dan teknik yang lebeh berkelulusan. Sebagai tambahan kursus2 dalam perkhidmatan juga di-adakan untok melengkapkan guru2 di-bidang pelajaran teknik dan falsafah, latehan khutub khanah dan ranchangan2 bimbingan2 sekolah.

(c) Tugas2 yang paling segera pada masa ini ~~ia-lah~~ latehan semula sa-bahagian besar guru2 yang ada untok membolehkan mereka mengajar dengan lebeh mahir dalam bahasa kebangsaan. Latehan semula guru2 sekolah rendah telah pun bermula pada tahun 1970 dan akan tamat pada tahun 1973, di-mana pada masa itu nanti sa-jumlah lebeh kurang 5,600 orang guru akan terlatah. Kerana memandangkan perubahan2 yang bakal berlaku di-perengkat sekolah menengah, maka sa-jumlah lebeh kurang 10,500 orang guru akan di-latah semula menjelang tahun

1979 yang mana akan di-mulakan pada tahun ini.

(d) Untuk mengelakkan masaelah2 sa-umpama itu pada masa yang akan datang; maka kehendak asas untuk memasoki sa-suatu Maktab Latehan Perguruan dan juga latehan itu sendiri telah pun di-perbaiki. Semenjak tahun 1968 kelulusan yang paling rendah ia-lah Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Seberang Laut. Semenjak tahun 1970, kepujian di-dalam bahasa Malaysia dan bahasa Kebangsaan ada-lah yang di-utamakan untuk menjalani latehan ini. Bahasa Kebangsaan ada-lah di-gunakan untuk semua sharahan di-Maktab2 Latehan Guru Rendah dan satu pertiga daripada sharahan2 di-Maktab2 Perguruan Menengah akan di-tambahkan lagi tidak berapa lama lagi apabila di-dapati sesuai. Tujuan latehan ini ia-lah untuk mengeluarkan guru2 yang mahir mengajar di-dalam bahasa Kebangsaan dan Inggeris. Kemahiran saperti itu akan menolong guru2 itu bertukar dari satu tempat ka-satu tempat yang maha hampir yang tidak dapat di-laksanakan di-sebabkan oleh keadaan2 yang ada pada hari ini.

(e) Guru2 yang kurang berkelayakan

Apabila Kerajaan mengambil alih sekolah2 raayat, Tamil dan China, Kerajaan telah mengambil sa-bahagian besar guru2 yang kurang berkelayakan dan mereka telah mengajar bagitu lama. Mereka telah di-galakkan untuk mengambil kelulusan asas ia-itu LCE/SRP untuk membolehkan mereka menjalani latehan2 yang di-adakan. Rancangan ini akan terus berjalan.

(f) Guru2 Siswazah

Kekurangan guru2 siswazah terus berlaku di-sekolah2 menengah atas terutama sekali di-bidang pelajaran sains dan ilmu hisab. Masaelah ini buat sementara waktu ada-lah di-atasi dengan mengambil guru2 sukarela dari seberang laut dan mengambil guru2 sechara kontrek dari Indonesia. Dengan bantuan mereka, maka bertambah-lah bilangan pelajar2 yang di-berikan pelajaran sains supaya mereka dapat mengambil pelajaran tinggi di-bidang sains dan ilmu hisab kemudian kelak.

Saya sedang menimbangkan untuk menambah bilangan dermasiswa Sains dan Ilmu Hisab dan pada masa yang sama mengurangkan dermasiswa Sastera.

Dengan sekatan yang di-kenakan oleh keperluan perkhidmatan, maka guru2 yang sedang mengajar ada-lah di-galakkan untuk mendapatkan pelajaran universiti supaya mereka pula dapat menambahkan bilangan guru2 yang berkelayakan. Malang-nya kebanyakan daripada pemohon2 itu ia-lah untuk kursus2 Sastera dengan mata2-pelajaran yang terhad. Mereka yang telah di-benarkan melanjutkan kursus2 ijazah pelajaran sains dan ilmu hisab kebanyakan-nya telah meninggalkan Kementerian ini dengan memberi notis yang pendek oleh kerana tawaran kerja2 yang lebeh pendapatan-nya di-bahagian persendirian.

9. Lembaga Peperiksaan

Lembaga Peperiksaan telah bertambah besar di-dalam bentuk-nya semenjak di-tubuhkan. Keperluan untuk memperoseskan bilangan kertas2 jawapan yang begitu panjang untuk Peperiksaan2 Penilaian Darjah V dan Sijil Rendah Pelajaran dalam jangka waktu yang sengkat, untuk menghapuskan kesilapan2 pihak pemeriksa2 dan mengelakkan tuduhan2 yang liar mengenai discriminasi, maka soalan2 objective yang di-pereksa oleh alat2 komputer telah di-adakan. Lembaga ini mengawasi kesemua peperiksaan yang di-adakan di-negeri kita ini. Bagi mensesuaikan kedudukan kita sebagai sa-buah negara yang berdaulat dan merdeka, tidak berapa lama lagi kita akan menyediakan dan mereksa semua peperiksaan2 kita seperti yang di-lakukan sekarang ini di-Yayasan2 Pelajaran kita yang tinggi.

10. Jemaah Nazir

Jemaah Nazir Bebas ia-lah satu lagi shor yang di-buat oleh Jawatankuasa Razak. Pada hari ini Jemaah ini mempunyai kakitangan hanya 31 orang. Tugas2-nya ia-lah melaporkan akan mutu pelajaran di-sekolah2 kita. Sebagai tambahan, Jemaah ini menolong mengadakan kursus2 dalam perkhidmatan di-pelbagai aspek pelajaran. Sekira-nya bahagian ini hendak bergerak lebeh berkesan, maka bilangan kakitangan-nya mesti-lah di-tambah.

11. BAHAGIAN PERANCHANG DAN PENYELIDEKAN PELAJARAN

Pelajaran akan hanya berkesan jika di-ranchangkan dengan teliti; peranchangan pula akan hanya berkesan jika penyelidekan yang chukup telah di-laksanakan sa-belum itu, Saperti Bahagian2 lain dalam Kementerian, Bahagian Peranchang dan Penyelidekan Pelajaran ada-lah hasil dari pengeshoran Jawatan Kuasa Razak. Dalam beberapa tahun yang lepas Bahagian ini telah menjalankan banyak kerja2 penyelidekan dan mengumpulkan data2 yang sangat berguna dan berfaedah. Ia-nya telah menolong dalam memperkembangkan bahan2 bidang-pelajaran dan di-luar bidang-pelajaran termasuk bimbingan kerjaya. Bimbingan kerjaya akan memainkan peranan yang semakin penting dalam sekolah2 kita. Bahagian ini telah memainkan dan akan terus memainkan peranan yang lebeh besar dan penting. Ia-nya merupakan nadi Kementerian ini.

12. PELAJARAN TEKNIK DAN VOKESHENAL

(A) Sa-belum tahun 1960 negara ini hanya mempunyai beberapa buah sekolah2 pertukangan sahaja. Mutu pelajaran dan jenis2 kursus yang di-berikan tidak memuaskan langsung. Dalam tahun 1960 Sekolah2 Rendah Pertukangan menjadi Sekolah2 Menengah Pertukangan sementara Sekolah2 Lanjutan Kampong di-teruskan saperti dahulu. Jawatan Kuasa Rahman Talib sangat menitek-beratkan tentang 70% kanak2 yang berumur 13 tahun yang tidak dapat masuk ka-Tingkatan I di-sebabkan oleh Pepereksaan Masok Sekolah2 Menengah Tanah Melayu. Oleh yang demikian Jawatan-Kuasa itu telah mengeshorkan penubohan Sekolah2 Menengah Lanjutan di-mana kanak2 boleh belajar sa-hingga mereka berumur lima belas tahun tetapi chadangan ini tergantung bagitu saja oleh kerana kurang mendapat sokongan.

(E) Pada masa sekarang ada 3 buah Sekolah2 Teknik dan 5 buah lagi akan di-bena menjelang tahun 1974. Murid2 daripada Sekolah2 ini akan dapat masok ka-Tingkatan VI dan seterusnya ka-Universiti.

(F) Barangkali satu daripada aspek yang menarek hati berkenaan dengan Pelajaran Teknik dan Vokeshenal ada-lah aktib dan pandangan orang ramai pada masa ini terhadap kerja2 'Blue-Collar'. Tempat2 untok berkerja ada-lah lebeh daripada yang dapat di-bekalkan. Ini menunjukkan satu perkara yang baik bagi negara kita ini yang mana memerlukan buruh2 kasar yang mahir. Pertunjok2 pada masa ini menunjukkan bahawa menjelang tahun 1975 pengeluaran dari Sekolah2 Vokeshenal kita ia-lah 5,000 orang sa-tahun. Sementara pengeluaran dari Sekolah2 Menengah Teknik lebeh kurang 3,000 orang.

13. PEMBANGUNAN NEGARA

(a) Dari apa yang telah saya sebutkan tadi, ada-lah nyata bahawa semenjak Laporan Razak mula2 di-terima, perubahan2 telah di-buat di-bidang pelajaran. Akan tetapi Laporan itu menyatakan kadar perubahan akan berjalan perlahan2 dan tidak sama oleh kerana puncha2 yang ada dan juga oleh kerana keadaan pelajaran itu sendiri.

(b) Mungkin tahun yang gemilang ia-lah tahun2 1956 dan 1965. Tahun 1956 kita telah dapat mengadakan pelajaran rendah yang terjamin untok semua yang berkehendakkan pelajaran itu. Dari pengalaman itu dalam tahun 1965 kita telah dapat menghapuskan Pepereksaan Masok Sekolah2 Menengah Malaysia dan memulakan sistem pelajaran Anika Jurusan. Oleh hal yang demikian, pelajaran bolch di-dapati sa-hingga ka-perangkat sekolah menengah rendah kapada tiap2 orang kanak2 hingga mereka berumur 15 tahun. Ini menunjukkan amalan yang lazim di-buat oleh negara2 yang maju. Di-samping itu juga peluang2 membesarkan peringkat pelajaran menengah

(B) Ini telah menjadi satu masalah sosial dan pelajaran yang besar. Dalam pada itu juga ada-lah nyata bahawa sekolah2 yang ada tidak dapat memenuhi keperluan2 teknik dan vokeshenal negara kita yang sedang membangun. Oleh itu satu keputusan telah di-chapai untuk memperbaiki sa-mula seluruh curricula pelajaran menengah kita. Dalam tahun 1964, Peperiksaan Masok Sekolah2 Menengah Tanah Melayu telah di-hapuskan dan tiap2 orang kanak2 dalam Sekolah telah di-beri hak pelajaran sa-hingga Lower Certificate of Education (Tingkatan III) atau sa-hingga umur lima belas tahun. Di-sebabkan oleh sistem pelajaran Aneka Jurusan 1965, semua murid2 di-wajibkan mempelajari sa-kurang2-nya satu mata-pelajaran pre-vocational di-antara Ilmu Perusahaan, Sains Rumah Tangga, Sains Pertanian dan Perdagangan di-Peringkat Menengah Rendah. Oleh sebab itu, pelajaran di-peringkat Menengah Atas telah di-alirkan kepada Sastera, Sains, Teknik dan Vokeshenal dan kemasokan di-buat berdasarkan kepada mata2-pelajaran yang di-ambil untuk Sijil Rendah Pelajaran.

(C) Sa-hingga tahun 1968 Sekolah2 Pertukangan dan Teknik seperti yang di-kenali dahulu itu telah di-tukarkan churak-nya kepada Sekolah2 Menengah Vokeshenal dan Teknikal. Sekolah2 Lanjutan Kampong dan Pelajaran Lanjutan telah di-jadikan Sekolah2 Menengah Rendah biasa.

(D) Sekolah2 Vokeshenal menawarkan mata2 pelajaran seperti pembinaan, kejuruteraan dan Letrik, Power Mekanik, Logam Kepingan dan Leboran, Membaiki Radio dan Talivishen dan juga perdagangan. Pada tahun 1968 Sekolah2 Urusan Rumah Tangga Vokeshenal telah di-adakan dan pada tahun 1969 dan 1970 Sekolah2 Vokeshenal Pertanian juga di-adakan. Pada masa ini terdapat 12 buah Sekolah2 Vokeshenal dan 6 buah lagi akan di-bena menjelang tahun 1974.

atas merupakan satu kejayaan yang chemerlang dalam tahun 1968.

(c) Sunggoh pun demikian satu daripada objektif yang mustahak dasar pelajaran tahun 1956 ia-lah pembenaan negara. Jawatan Kuasa Razak mengenal nilai satu bahasa yang di-gunakan oleh semua pehak untuk pembangunan negara. Telah di-persetujui bahawa Bahasa Malaysia sa-harus-nya di-jadikan Bahasa Kebangsaan negeri kita, dan ini telah pun di-maktubkan dalam Perlembagaan kita. Biar-lah saya menerangkan bagaimana dasar Bahasa Kebangsaan telah di-laksanakan sa-takat ini di-dalam sistem pelajaran kita.

(d) Dalam tahun 1956 pengajaran Bahasa Kebangsaan telah di-wajibkan di-semua sekolah tetapi perlaksanaan sa-penoh-nya telah tergendala oleh kerana 2 sebab:

(i) Kekurangan Guru2;

(ii) Kekurangan buku2 teks yang sesuai.

Oleh kerana itu koutamaan telah pun di-berikan kepada pengeluaran guru2 dan buku2 yang mana akan mengambil masa.

Untuk menchapai ini semua Dewan Bahasa dan Pustaka dan juga Maktab Perguruan Bahasa telah di-tubuhkan.

(e) Dalam tahun 1958 kelas2 menengah Melayu yang pertama telah di-adakan di-sekolah2 Menengah Inggeris yang sedia ada. Pada tahun 1960 kumpulan anak2 kita yang pertama itu telah mengambil Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan pada tahun 1962 mereka telah mengambil Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaya. Hanya pada tahun 1969 baru-lah kemudahan2 yang lengkap untuk pelajaran Sains dan Sastera di-adakan di-sekolah2 menengah atas, dan pada masa yang sama banyak daripada chalun2 telah pun mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Tinggi semenjak tahun 1957.

(f) Kelulusan dalam Bahasa Kebangsaan telah di-wajibkan untuk Peperiksaan Masok Sekolah2 Menengah Malaya dan juga Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1962. Semenjak dari tahun 1957 kanak2 yang mengambil peperiksaan Sijil Seberang Laut, di-galakkan lulus dalam mata pelajaran Bahasa Kebangsaan untuk mendapatkan Sijil Persekolahan Persekutuan, yang mana kemudian daripada itu di-kenali sebagai Sijil Pelajaran Malaysia semenjak dari tahun 1970 Sijil Seberang Laut telah di-mansuhkan dan sekarang ini di-jadikan semua anak2 lulus di-dalam Bahasa Kebangsaan untuk mendapat Sijil Pelajaran Malaysia. Kesemua chalun2 mengambil satu kertas peperiksaan yang sama di-dalam Bahasa Kebangsaan.

(g) Pada tahun 1967 Kementerian Pelajaran telah memperolehi sumbar2 untuk memulakan kerja2 menukar sekolah2 rendah Inggeris pada sekolah2 Kebangsaan. Maka dalam bulan Januari 1968, 4 mata pelajaran ia-itu Latchan Jasmani, Seni Lukis dan Pertukangan, Muzik dan Pelajaran Tempatan telah pun di-ajarkan di-dalam Bahasa Kebangsaan di-darjah2 I hingga III. Pada tahun 1968 telah di-tambah lagi ia-itu:-

(i) bahawa mulai daripada bulan Januari 1969 Sibik akan di-ajar dalam Darjah IV dalam Bahasa Kebangsaan dan

(ii) Mulai daripada Januari, 1970 mata2 pelajaran Sejarah dan Ilmu Alam di-ajar di-Darjah IV di-dalam Bahasa Kebangsaan.

Daripada ini semua ada-lah di-dapati bahawa sebahagian daripada mata2 pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris, semua sekolah2 telah berubah menjadi sekolah2 Kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama. Suatu perubahan yang di-sifatkan revolusi senyap dan berjalan dengan perlahan2 telah pun terlaksana.

- (h) Hanya satu lagi langkah yang lojik akan di-ambil iaitu untuk mengajar mata2 pelajaran Ilmu Hisan dan Sains dalam Bahasa Kebangsaan juga. Langkah itu telah pun di-ambil dalam tahun 1970 apabila semua mata pelajaran melainkan Bahasa Inggeris telah mula di-ajar di-dalam Bahasa Kebangsaan di-darjah I semua Sekolah2 Rendah Inggeris. Sebagai keputusan, langkah2 yang telah di-ambil, maka tarikh2 berikut patut-lah di-ingatkan. Dari 1972 kanak2 di-Tingkat I akan mempelajari Latehan Jasmani, Civik, Muzik dan Seni Lukis dan Pertukangan di-dalam Bahasa Kebangsaan. Mereka yang masok di-Tingkatan I tahun 1973 akan menggunakan Bahasa Kebangsaan untuk semua mata pelajaran melainkan mata2 pelajaran Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris yang berm'ana bahawa pada tahun 1977 anak2 kita akan menggunakan Bahasa Kebangsaan di-dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia melainkan mata2 Pelajaran Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains. Kapada mereka yang mula menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam semua mata pelajaran di-darjah I pada tahun 1970 yang lalu akan masok ka-Tingkatan I pada tahun 1976 dan Tingkatan V pada tahun 1980. Menjelang 1980 semua pelajaran hingga ka-peringkat Universiti akan di-ajar di-dalam Bahasa Kebangsaan melainkan pelajaran Ilmu Hisab dan Sains.
- (i) Keputusan2 dasar yang telah di-sentuh terlebih dahulu tadi akan melibatkan anak2 dalam sekolah2 China dan Tamil di-mana sedikit perbedzaan akan berlaku. Di-antara 1972 dan 1974, kelas2 peralehan ada-lah bertanggung jawab melengkapkan anak2 kita dengan Bahasa Inggeris dan juga Bahasa Kebangsaan oleh kerana pada tahun 1973 Tingkatan I akan memulakan Bahasa Kebangsaan untuk

semua mata pelajaran melainkan Ilmu Hisab, Sains dan Bahasa Inggeris sementara itu pula dalam tahun 1975, Kelas2 Peralehan akan di-adakan hanya di-dalam Bahasa Kebangsaan. Maka boleh di-lihat bahawa semenjak negara kita menchapai kemerdekaan dan oleh kerana kita mempunyai pemikiran yang satu untok mengikut satu dasar ia-itu Bahasa Melayu telah menjadi Bahasa Kebangsaan yang rasmi.

(j) Oleh itu akan dapat di-lihat bahawa semenjak negara kita menchapai kemerdekaan Bahasa Melayu telah betul2 menjadi Bahasa Kebangsaan negara kita dan bekerja rapat dengan Indonesia berkenaan dengan ejaan sama, Sains dan Istilah2 Teknik dan lain2. Bahasa Kebangsaan akan di-tutorkan dan di-gunakan dalam satu kawasan yang mengandongi penduduk2 lebeh dari 100 juta orang. Kita tidak ragu2 lagi bahawa Bahasa Kebangsaan itu tegoh dan hidup. Bahasa itu boleh dan akan di-perbaiki. Ia-nya akan menjadi salah satu daripada bahasa2 utama dalam dunia ini.

(k) Apa-kah akibat2 perubahan ini? Pertama sekali sekolah2 Inggeris lambat laun akan hapus dan yang kedua-nya satu lagi shor Jawatan Kuasa Razak akan dapat di-chapai apabila semua kanak2 akan belajar di-dalam satu bangunan yang menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama. Yang ketiga proses penyatuan Kebangsaan akan di-perluaskan lagi oleh kerana anak2 itu akan membesar di-dalam semua keadaan untok penyatuan dalam masa mereka membesar. Yang ke-empat-nya ini akan melibatkan Latehan Semula sa-bilangan besar guru2 yang ada untok

melengkapkan mereka dengan perubahan di-dalam bahasa pengantar ini. Yang kelima satu aliran baru bagi kanak2 untok masok sekolah2 yang berhampiran dengan rumah mereka akan menyebabkan ibu bapa2 dapat mengurangkan belanja daripada menghantar anak2 mereka ka-sekolah2 Inggeris yang telah lama di-tubuhkan. Akhir sekali Kementerian ini juga akan dapat menjimatkan perbelanjaannya.

(L) Sa-belum saya menyentuh satu perkara yang lain, suka saya menokankan di-sini bahawa dasar menggunakan Bahasa Kebangsaan sabagai Bahasa Pengantar yang utama di-perengkat rendah dan menengah tidak-lah merupakan satu perkara yang baru. Jawatankuasa Rahman Talib menyatakan bahawa kemahuan yang sah bagi tiap2 satu golongan kebudayaan yang telah menyatakan kesediaan-nya hidup di-Malaysia ada-lah di-penuhi dengan mengadakan buat sementara ini di-atas perbelanjaan kerajaan Pelajaran Rendah di-dalam Bahasa Ibunda keluarga itu. Akan tetapi Jawatankuasa itu menambah ada-lah bertentangan dengan dasar pelajaran untok menimbulkan kesedaran kebangsaan dan bertujuan menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai Bahasa Kebangsaan negara ini untok mengeluarkan dan mengekalkan sa-suatu bahasa dan perbezaan kaum di-seluruh sistem pelajaran yang di-biayai daripada wang negara. Kemudian Jawatankuasa itu mengeshorkan bahawa pelajaran di-perengkat menengah yang di-biayai dengan wang negara hendak-lah di-jalankan **terutam - ya** dalam bahasa pengantar salah satu daripada dua bahasa resmi dengan tujuan untok menggunakan Bahasa Kebangsaan sa-bagai **bahasa** pengantar utama kechuali bahasa2 dan kesusteraan2 yang lain boleh-lah di-ajar dan di-pelajari dalam bahasa pengantar mereka sendiri.

14. KEDUDOKAN BAHASA INGGERIS

Satu soalan timbul "apa-kah taraf bahasa Inggeris pada masa hadapan?". Jawapan-nya terdapat di-dalam Laporan Razak yang mengatakan bahawa Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan di-wajibkan di-semua sekolah; Bahasa Melayu oleh kerana ia-nya Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris oleh kerana nilai-nya pada masa ini di-lapangan pelajaran tinggi, perdagangan dan hal ehwal antara bangsa. Segala usaha sedang di-jalankan untuk mengekalkan mutu Bahasa Inggeris yang sa-tinggi2-nya. Masa yang di-untukkan bagi tujuan ini di-Sekolah2 Kebangsaan telah di-tambah dan jika masa ini maseh di-dapati tidak menchukopi saya akan tambah lagi. Guru2 Bahasa Inggeris sedang di-lateh semula dalam teknik2 baru yang di-perbaiki. Bahasa Inggeris akan terus menjadi Bahasa kedua negara ini.

15. ILMU HISAB DAN SAINS

(A) Memandangkan betapa mustahak-nya mata2 pelajaran ini satu ranchangan serta merta telah di-lancharkan untuk memperbaiki pengajaran mata2 pelajaran ini di-Sekolah2 Rendah Kebangsaan. Menjelang tahun 1974 ranchangan itu akan dapat meliputi tiap2 sekolah rendah di-negara ini.

(B) Dalam pada itu juga Ilmu Hisab Morden dan Sains yang di-persatukan telah di-ajar di-peringkat menengah rendah.

(C) Untuk menentukan supaya ranchangan baru ini dapat terus di-jalankan di-peringkat menengah atas beberapa orang pegawai telah kembali baru2 ini daripada United Kingdom sa-lepas mengikuti satu kursus dalam Sains Nuffield. Kursus Sains Nuffield itu akan di-adakan tidak lama lagi ia-itu di-Tingkatan IV dalam tahun 1972 dan Tingkatan V dalam tahun 1973.

(D) Sa-buah Pusat Pelajaran Sains akan di-tubuhkan di-Kuala Lumpur yang mana akan bertanggung-jawab memula dan menilaikan pembaharuan2 dalam pelajaran Ilmu Hisab dan Sains. Sa-bagai tambahan ia-nya akan berkhidmat dan membahagi2kan alat2 dan data sains.

(E) Rancangan2 baru yang di-adakan ini melibatkan latehan semula hampir2 semua guru2 Ilmu Hisab dan Sains melalui kursus2 dalam perkhidmatan dalam masa chuti sekolah.

16. PELAJARAN MENERUSI RADIO DAN TALIVISHEN.

Kementerian ini sedang menumpukan perhatian-nya ka-arah radio dan talivishen supaya alat2 ini boleh di-gunakan dengan sa-berapa yang boleh untok pelajaran. Alat2 ini sangat menarek hati dan melalui-nya pelajaran boleh di-sampaikan terus ka-dalam rumah orang yang belajar itu. Kemahiran beberapa orang yang ada boleh di-gunakan dengan lebeh luas lagi. Mata2 pelajaran saperti Sains dan Ilmu Hisab telah dapat di-sampaikan dengan jaya-nya melalui pelajaran menerusi talivishen2 di-negara2 lain. Sebanyak \$1 juta telah di-minta dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua.

17. PEMBEKALAN BUKU2 TEKS

Sa-bahagian besar daripada buku2 yang di-gunakan di-sekolah2 pada hari ini ada-lah keluaran tempatan. Bahagian per-sendirian dan Dewan Bahasa dan Pustaka telah bersama2 memainkan peranan yang tidak ternilai harga-nya.

18. PEMBANGUNAN (1971 - 1975)


Sejajar dengan chita2 Rancangan Malaysia Yang Pertama dan chita2 negara keselurohan-nya bagi Rancangan Malaysia Kedua, objektib2 Kementerian Pelajaran ada-lah saperti berikut:-

- (a) Membangunkan dan memperkuatkan sistem Pelajaran Kebangsaan sabagai menyokong keseluruh objektib yang telah di-ranchangkan untok mengujudkan perpaduan Kebangsaan.

- (b) Untuk memperbaiki keadaan yang tidak sa-imbang dalam pelajaran, peluang2 dan bahan2 di-antara kawasan2 bandar dan luar bandar;
- (c) Untuk melaksanakan selanjut-nya dasar bahasa kebangsaan;
- (d) Untuk membaiki sistem pelajaran di-kedua2 aspek 'quantity dan quality' di-semua peringkat supaya memberi sumbangan kepada perkembangan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara kita;
 - (i) dengan mengadakan kemudahan2 untuk menampung bertambah-nya kemasokan kanak2 di-semua peringkat yang di-sebabkan oleh bilangan penduduk yang bertambah dan juga di-sebabkan kekurangan kematian;
 - (ii) dengan membaiki kadar penghidupan melalui sistem itu;
 - (iii) dengan memperbaiki mutu pelajaran di-semua peringkat dengan membaiki lagi isi, chara mengajar, pentadbiran dan perkhidmatan yang di-perbantukan;
 - (iv) dengan mengutamakan ketegasan ka-atas pelajaran sains, teknologi dan vokeshenal;
 - (v) selanjut-nya meluaskan pemilihan bidang pelajaran di-peringkat menengah sebagai persediaan pada peringkat2 selanjut-nya dan juga untuk mendapatkan pekerjaan yang membena;
 - (vi) dengan membekalkan guru2 yang terlatih sechukup-nya dan mutu yang paling tinggi di-perolehi untuk mengatasi kehendak2 perkembangan dan membaiki mutu itu di-semua peringkat termasuk-lah latihan dalam perkhidmatan;
 - (vii) dengan memajukan satu sistem yang di-rancang dan di-sesuaikan terhadap pelajaran tinggi termasuk pelajaran Universiti saimbang dengan kehendak2 negara dan taraf kebaikan yang tinggi peringkat antara bangsa.

19. Saya sedar bahawa dalam perhcakapan ini saya telah meninggalkan banyak tajok2 saperti Universiti2 dan Maktab2 kita dan lain2 lagi. Saya sengaja berbuat demikian untuk meng hadkan perchakapan saya supaya tidak membosankan.

20. Saya telah chuba dengan saboleh2-nya untuk menyampaikan dengan ringkas Dasar Pelajaran Negara kita. Objektib2 dan matalamat2 kebangsaan kita merupakan sebagai sahelai kain dan dasar pelajaran kita menjadi chorak-nya. Chorak2 itu sangat halus dan ia-nya mesti-lah di-buat dengan berhati2. Tidak ada beban yang lebeh berat lagi yang telah di-serahkan kapada saya atau kepada mana2 Menteri Pelajaran selain daripada bertanggung-jawab untuk melaksanakan dasar pelajaran negara kita. Kesabaran, muhibbah dan sifat bertolak-ansor ada-lah di-kehendaki daripada kita semua.



19. Saya telah menerima dalam perbincangan ini saya telah
menyampaikan kepada pihak Universiti dan Kolej
kita dan lain-lain. Saya sangat berpuas hati kerana untuk
mendapatkan maklumat yang saya sukai tidak menentu.

20. Saya telah cuba dengan asbela-saya untuk menyebarkan
kepada orang-orang yang berminat. Objektif dan
tujuan utama ialah untuk meningkatkan taraf
kehidupan masyarakat kita dengan memberi peluang
kepada mereka yang berminat. Oleh itu, saya
harap dan saya yakin di-dapat dengan berkesan. Tidak ada
beban yang telah berat yang telah di-sebarkan kepada saya
sejak mula-mula. Saya sangat berpuas hati dengan
apa yang telah saya lakukan dalam berhubung dengan
jawab untuk melaksanakan dasar pendidikan negara kita. Keperluan
mendidik dan melatih orang-orang adalah di-kehendaki daripada
kita semua.



No Siri 609
No Penerimaan 2/84